

KATA KERJA AKTIF TAK TRANSITIF

Lengkapkan catatan dengan kata kerja aktif tak transitif.

8.00 pagi

Kami bersiap untuk _____ ke kampung. Kami hendak bergotong-royong untuk membersihkan rumah nenek yang lama ditinggalkan.

9.30 pagi

Dalam perjalanan ke kampung, saya dapat melihat padi sedang _____ di sawah. Pemandangan itu sungguh cantik. Selepas dua jam perjalanan, kami _____ di kampung nenek. Nenek dan datuk yang _____ bersama-sama kami beraa sangat teruja.

10.30 pagi

Kami mula bergotong-royong. Semasa membersihkan rumah, nenek _____ tentang kenangan rumah tersebut. Saya mendengar cerita nenek dengan khusyuknya. Datuk pula sekali sekala menambah cerita nenek. Suasana _____ ceria,

11.30 pagi

Saya mengambil pengemop lantai dalam stor. Tiba-tiba, pengemop lantai _____ . Ayah saya _____ supaya berhati-hati semasa bekerja.

12.55 tengah hari

Kami siap membersihkan rumah nenek. Kawasan dalaman rumah itu _____ bersih dan ceria semula.

2.00 petang

Saya berasa letih. Saya tertidur dengan _____ lengan di ruang tamu.

menjadi	menguning	pulang	terjatuh
sampai	bercerita	bertambah	
berpesan	tinggal	berbantalkan	